

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua penjawat awam yang memegang jawatan pengarah di syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan dan elaun pengarah yang diterima oleh penjawat awam daripada syarikat-syarikat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya, pelantikan pegawai Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam syarikat-syarikat milik

Menteri Kewangan Diperbadankan dilaksanakan berdasarkan peruntukan di dalam Tatacara dan Tataurus (M&A) syarikat.

Kadar elaun Ahli Lembaga Pengarah Bagi syarikat pegangan majoriti (pegangan saham melebihi 50%) oleh MKD, kecuali Institusi Kewangan Pembangunan (DFI), adalah seperti berikut:-

<b>Jenis Elaun</b>	<b>Pengerusi</b>	<b>Ahli Lembaga Pengarah</b>
Elaun tetap bulanan	RM8,000 - RM10,000	RM2,500 - RM3,000
Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah	RM2,500 - RM3,000	RM1,500 - RM2,000
Elaun Mesyuarat Jawatankuasa	RM1,300	RM1,000